

Usah terpedaya hukum hudud Pas — Dr. M

UM 16 JUL 2002

ALOR SETAR 15 Julai — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan umat Islam supaya tidak terpedaya dengan hukum hudud Pas kerana ia bukanlah undang-undang Islam sebenarnya.

Sebaliknya, kata beliau undang-undang berkenaan ialah undang-undang yang dicipta oleh pemimpin Pas seperti Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Aziz Nik Mat dan Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Abdul Hadi Awang semata-mata untuk meraih undi rakyat.

Beliau berkata, undang-undang hudud yang dilaksanakan oleh Pas mempunyai banyak kepincangan dan sama sekali tidak mempunyai keadilan - satu perkara yang dituntut dalam Islam apabila hendak menjatuhkan hukuman serta telah diubah mengikut tempat dan masa.

“Undang-undang Islam tidak pernah tak adil, kalau tidak adil itu bukan undang-undang Islam, yakinlah... yakinlah agama Islam tidak mengubah undang-undang mengikut tempat dan masa,” katanya di sini hari ini.

Dr. Mahathir menegaskan, Pas mengubah undang-undang Islam mengikut desakan dan bantahan pelbagai pihak.

“Apabila menerima bantahan mereka meminda sedikit undang-undang itu, pindaan dibuat iaitu yang tidak melepaskan mangsa rogol dan mengenakan Qisas kepada perogol.

“Ini juga tidak adil, kita kena ingat Hadi kata itu undang-undang Allah, ia bukan undang-undang Allah tetapi undang-undang Pas, apakah Allah meminda undang-undangNya apabila mene-

rima bantahan daripada Sharizat... Allah tidak pernah pinda undang-undang Allah telah wujud lebih 1,400 tahun lalu,” katanya.

Beliau berkata, undang-undang Allah hanya ada satu sahaja, tidak ada undang-undang pindaan tetapi undang-undang hudud Nik Abdul Aziz dan Hadi berbeza.

“Undang-undang hudud Nik Abdul Aziz ada 6 perkara manakala Terengganu pula ada 7 perkara,” katanya.

Beliau mencabar pemimpin Pas seperti Nik Abdul Aziz dan Hadi supaya membuktikan melalui ayat-ayat al Quran apakah benar tuhan pernah mencarut.

“Saya minta Nik Abdul Aziz atau Hadi baca al-Quran, tunjuk apakah ada perka-taan ‘PM’ jika dapat tunjuk saya akan masuk Pas, jika tidak dapat tunjuk saya minta dia berhenti dari segala-galanya,” katanya.

Dr. Mahathir juga meminta Pas supaya jangan memburuk-burukkan agama Islam kerana ia adalah agama terbaik sehingga terdapat 1.3 bilion penganutnya.

Beliau turut mempertikaikan kenyataan Pas yang menuduh UMNO kafir apabila UMNO bekerjasama dengan parti bukan Islam seperti MCA, MIC dan Gerakan.

Sambil merujuk kepada sekeping foto menunjukkan Hadi berpeluk dengan Kit Siang, Dr. Mahathir berkata: “Kita kerjasama dengan MCA, MIC, maka kita dituduh kafir tetapi kita lihat Hadi peluk Kit Siang jauh beza.

“Saya tidak pernah peluk Keng Yaik, Samy Vellu atau Liong Sik, ucap terima kasih ada la... nak peluk tak ada la,” katanya.